

16/12/1998

Menerap suasana mesra dalam masyarakat Umno

Kamal Ahmad; Zulkofli Jamaludin

ANTARA peringatan yang wajib diambil perhatian oleh setiap ahli Umno, orang Melayu dan rakyat negara ini ialah tiada jaminan bahawa percubaan untuk mengganggu gugat ekonomi, politik serta maruah negara ini tidak akan berulang lagi. Apatah lagi menerusi beberapa tindakan pihak kuasa asing sebelum ini dan beberapa percubaan terbaru mereka.

Bagaimanapun, dengan sisa masa dan peluang yang terlalu kritikal, usaha membina benteng menangkis serangan kolonialisme moden oleh kapitalis dan ahli politik Barat itu masih dapat kita pertahankan dengan berkesan.

"Namun kunci kepada jaya atau tidaknya percubaan kuasa asing untuk menjajah semula negara tercinta ini masih ada di tangan ahli Umno. Selagi Umno pukal dan tumpat, selagi perpaduan dalam Umno tidak dapat dipecah, selama itulah percubaan kuasa asing untuk melumpuh dan menakluk semula negara ini akan gagal," demikian sebahagian daripada peringatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Khas Umno di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Ahad lalu.

Sesungguhnya, peringatan ini adalah tanggungjawab sangat besar dan berat di bahu setiap ahli Umno, orang Melayu dan seluruh rakyat Malaysia. Umno, khususnya bukan sebarang parti. Ia teras dan tunjang kepada parti komponen yang memerintah iaitu Barisan Nasional (BN). Jika Umno lemah, BN pun goyah dan jika parti komponen itu longlai maka lumpuhlah kerajaan Malaysia...maka terjajallah Malaysia.

Apakah yang dapat kita baca dan faham dengan peringatan Dr Mahathir ini? Cara mana Umno, orang Melayu dan rakyat boleh memenuhi tugas dan beban tanggungjawab itu?

Antaranya, menyuburkan budaya Umno yang menekankan nilai mulia dan murni yang berteraskan tatasusila Melayu, orang Timur serta umat Islam. Budaya Umno antara lain ialah amanah, jujur, ikhlas, hormat menghormati, taat dan setia kawan, memperkukuhkan silaturahim serta menolak kecenderungan berpuak (factionalism), idolisme dan personaliti.

Ketiga-tiga ciri itu (berpuak (factionalisme), idolisme dan personaliti) jika subur dalam parti maka sudah pasti akan mencetuskan perpecahan apabila puak yang kalah, tidak akan menyokong puak yang menang dan pemenang sebenarnya mendapat sokongan daripada sebahagian sahaja dalam parti.

Jika budaya Umno subur, maka suasana pertandingan atau pemilihan sama ada di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi (MT) tidak akan menyimpang daripada tatasusila luhur. Jika ada calon mengamalkan politik kotor, pasti ia akan tersingkir kerana ahli Umno tidak gemar cara itu.

Maka, seperti istilah yang paling popular sekarang iaitu mesra, Umno juga perlu menerapkan pertandingan mesra. Jika produk, sistem, teknologi dan pembangunan perlu mesra alam, maka mesra juga perlu diterapkan dalam parti.

Mesra antara lain dipaparkan dengan senyum, akrab, ikhlas, hormat, sopan dan kesetiaan. Alangkah manisnya berpartikan Umno jika mesra itu dipupuk serta mekar dalam diri setiap ahlinya.

Lantas, selagi ada idolisme dan taksub terhadap seseorang pemimpin, maka setiap kali itu juga Umno diancam perpecahan. Ia umpama duri dalam daging, yang boleh melumpuhkan saraf dan kekuatan parti sekali gus menyebabkan tubuh parti parah bernanah.

Pengalaman bekas Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46, Datuk Dr Rais Yatim, mungkin mendorong kenyataan beliau yang berbunyi:

"Pertandingan itu untuk menegakkan demokrasi. Jadi unsur personal atau peribadi tidak harus jadi tekanan utama dan ketaksuban kepada sahsiah seseorang itu juga harus diketepikan.

"Kita harus mentelaah terhadap amalan demokrasi yang sebenarnya tidak lagi berasaskan kepada perkiraan yang menjadikan personaliti atau budaya mengidolakan seseorang. Kalau Umno berani mengetepikan sistem idola pemimpin, saya kira demokrasi mempunyai peluang sangat berasas kepada realiti.

"Saya kira sekarang pemimpin ramai. Tinggal lagi penentuan asas kepada sahsiah seseorang itu mesti dikira bergantung kepada rekod dan juga kewibawaan beliau itu," katanya.

Begitu juga pendirian Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Hussein yang sekian lama dipertahankan dengan mempercayai ahli Umno perlu kembali kepada budaya asal parti dengan mendukung kepentingan bangsa dan negara.

"Kita perlu rapatkan barisan dan memikir serta melakar perjuangan yang lebih mendalam. Sebenarnya, itu yang dapat saya simpulkan melalui pengalaman dan apa yang terpaksa kita lalui kebelakangan ini," katanya.

Pihak kuasa asing yang sekian lama menjadi pencatur politik antarabangsa turut melihat faktor dalaman negara ini. Fokusnya adalah Umno, orang Melayu dan agama Islam. Ini kerana apa saja isu membabitkan ketiga-tiganya pasti boleh menjejaskan kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara ini. Hanya dengan cara itu, musuh negara menyelinap masuk memainkan peranan terutama menanam kepentingan strategik dalam ekonomi dan politik.

Ini dengan menguasai majoriti saham antaranya dalam institusi kewangan dan perbankan, telekomunikasi dan pengangkutan sebelum mengenakan tekanan kepada kerajaan supaya tunduk menurut telunjuk mereka.

Hakikat kita disuruh berwaspada apabila Al Gore menyatakan sokongan terbuka kepada gerakan reformasi dan George Soros menjatuhkan nilai ringgit serta saham kita. Tetapi sejak awal lagi, al-Quran memberi peringatan bahawa Yahudi dan Nasrani itu akan melakukan apa saja sehingga kita mengikuti telunjuk mereka.

Memang dalam banyak perkara dan sejarah, musuh dari luar kerap gagal menggugat keutuhan dalaman apa juga organisasi. Ini bertepatan dengan pepatah Inggeris If you cannot beat them, you join them....

Justeru, memastikan barisan ahli Umno, orang Melayu dan rakyat sentiasa rapat adalah tonggak utama menghalang musuh asing daripada menyelinap masuk dalam negara. Malah cogan kata lambang Malaysia pun Bersekutu Bertambah Mutu.

Namun, sikap marah yang membakar perasaan kita terhadap keceluparan dan kebiadaban Gore serta Soros tidak cukup jika pada masa yang sama patriotisme dan perpaduan tidak dipaparkan. Apakah komitmen kita terhadap parti, negara dan agama hanya cukup dengan menyalahkan orang itu dan orang ini saja.

Justeru, ahli parti perlu bangkit menentang gerakan yang ingin menggugat kerajaan dan menjadi boneka negara asing, agar maruah serta kedaulatan negara dipertahankan. Perjuangan mempertahankan kedaulatan, maruah dan kemerdekaan negara seharusnya menjadi nyawa dan darah, bukan saja kepada ahli Umno malah seluruh rakyat negara ini.

Komitmen itu bukan menuntut rakyat mengangkat senjata menentang kuasa asing atau mengadakan demonstrasi di jalanan mengutuk campur tangan mereka, sebaliknya menuntut ahli mengukuhkan saf perjuangan di samping mengetepikan perkara yang boleh membawa perpecahan dan sikap berpuak dalam parti.

Sejarah kedatangan Islam di bumi Arab yang berjaya membentuk budaya murni masyarakat jahiliah sehingga mampu memerintah Semenanjung Arab dan mengembangkan Islam sehingga ke China dan Sepanyol, perlu dicontohi dan

diserapkan sebagai budaya Umno.

Sehubungan itu, pindaan 15 fasal membabitkan 38 perkara itu perlu diiringi iltizam ahli untuk mengutamakan perlembagaan dan mempertahankan parti dan negara. Persetujuan perwakilan yang dibuat dalam suasana tenteram dan tertib, malah berjaya dibereskan dalam tempoh singkat itu, tidak akan bermakna sekiranya ahli membelakangkan perlembagaan parti.

Ini kerana perlembagaan mahupun undang-undang tidak menjamin Umno akan kekal berjalan dengan baik, licin dan lancar. Kita tahu undang-undang sendiri tidak menjamin segala perbuatan yang dilarang itu tidak akan dilakukan.

Perdana Menteri ketika berucap pada akhir perhimpunan melahirkan rasa sedih jika ahli Umno percaya perlu mengikut undang-undang yang dibuat, tetapi yang dilarang dilakukan juga. Umpamanya; "Tak apalah kalau kita terima sogokan asalkan kita mengundi mengikut yang benar.

"Kalau kita berpendapat bahawa sogokan rasuah itu adalah salah dan walaupun nafsu mendorong kita untuk menerima, kita melawan nafsu sehingga kita menolak cubaan untuk mempengaruhi kita dengan sogokan. Kalau kita berjaya menolaknya, maka ketika itu barulah parti kita akan terselamat dan menjadi kuat dan kukuh."

Sebenarnya, yang menentukan baik buruknya parti bukan perlembagaan, bukan undang-undang dan juga bukan peraturan. Yang akan menentukan baik buruknya parti ialah budaya, iaitu nilai-nilai yang dipegang.

(END)